

26 SEP 2003

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI MONACO

Oleh: Jackson Sawatan

MONACO, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari ke negara ini.

Beliau tiba dari New York selepas berucap pada sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Ke-58 semalam.

Semasa lawatan ke negara ini, Dr Mahathir akan melawat Pertunjukan Perahu Layar Monaco 2003 yang sedang berlangsung, yang dianggap pameran perahu layar terbesar di Eropah.

Pertunjukan lima hari itu di Port Hercules dijangka dapat menarik sehingga 17,000 peminat bot dan perayu layar dari seluruh dunia.

Selepas melawat pertunjukan itu pada pagi, Dr Mahathir dijadual diterima menghadap Putera Rainier III dari Monaco pada petang.

Pada malam, Perdana Menteri akan melancarkan secara tidak rasmi pendaftaran Perahu Layar Langkawi.

Dr Mahathir akan menemui pelajar Malaysia pada Sabtu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Lawatan ke Monaco adalah sebahagian daripada aturcara rasmi ke luar negara bermula pada 22 Sept. Sebelum ke New York, beliau berada di London untuk berucap di School of Oriental and African Studies Universiti London dan kemudinya melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Sweden.

-- BERNAMA

JS AHH BK